

Keperluan Modul I-THINK dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah

Nik Rosnizasuzila Nik Hassan

nik_suzila87@yahoo.com

Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia

Dr. Azlina Mohd Kosnin

p-azlina@utm.my

Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia

Dr. Zakiah Mohamad Ashari

Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia

zakiahma@utm.my

Abstrak

Pendidikan masa kini sangat menekankan penggunaan pemikiran secara kritis dan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan dengan itu, kerajaan melalui Agensi Inovasi Malaysia (AIM) dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Program i-THINK. Di sekolah-sekolah seluruh Malaysia dengan tujuan untuk mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran bagi melahirkan murid yang berfikiran kreatif. Guru-guru telah didedahkan dengan program i-THINK melalui kursus-kursus yang telah dianjurkan oleh pihak KPM mahu pun pihak sekolah. Oleh itu, satu kajian dijalankan untuk mengenal pasti keperluan pembinaan modul i-THINK dalam melaksanakan program ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Seramai 7 orang guru daripada dua buah sekolah menengah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan (agama) terlibat dalam kajian awal ini. Temu bual separa terbuka telah dijalankan dalam kajian ini untuk mengenal pasti keperluan pembinaan modul i-THINK. Hasil temu bual menunjukkan bahawa guru memerlukan modul ini supaya apa yang diajar dalam bilik darjah dapat diselaraskan di semua sekolah seluruh Malaysia. Guru terlibat juga menyatakan wajar sekiranya mereka dibekalkan modul mengikut mata pelajaran yang diajar. Dengan adanya modul pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah dapat diselaraskan secara berstruktur di semua sekolah-sekolah di Malaysia. Oleh itu, wajar bagi pihak KPM membekalkan modul mengikut mata pelajaran sebagai panduan kepada guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

Kata Kunci: Program i-THINK, kemahiran berfikir, modul i-THINK

1.0 Pengenalan

KPM telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025 (PPPM 2013-2025). Transformasi Kurikulum Pendidikan berlaku bagi menangani cabaran pendidikan abad ke-21. PPPM 2013-2025, memberi penekanan kepada konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi yang berupaya melahirkan generasi yang mempunyai pemikiran kritikal dan kreatif. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) atau *Higher Order Thinking Skills (HOTS)* merupakan

suatu konsep yang mengukur kemampuan dan keupayaan pelajar mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakuan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah serta membuat keputusan (Bahagian Pambangunan Kurikulum 2013). Gagasan utama dalam pelan ini ialah mentransformasikan minda dalam kalangan masyarakat Malaysia. Bagaimanakah transformasi minda boleh dilaksanakan?. Dalam konteks sistem pendidikan, isu-isu modenisasi terhadap teknik pengajaran dan pembelajaran, fokus pembangunan modal insan, kemahiran berfikir aras tinggi, pemikiran kreatif dan kritis di samping penambahbaikan terhadap kemudahan infra dan infrastruktur perlu dijadikan keutamaan dalam membuat perancangan dan peruntukan bajet (Sidek, 2012).

Kerajaan melalui Agensi Inovasi Malaysia (AIM) dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Program I-Think di sekolah-sekolah seluruh Malaysia dengan tujuan untuk mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran bagi melahirkan murid yang berfikiran kreatif.

1.1 Pernyataan Masalah

Perkembangan kemahiran berfikir kurang ditekankan di sekolah (Balakrishnan, 2002; Rajendran, 2001) dan tidak berlangsung menerusi suatu kursus atau mata pelajaran khusus berkait dengan pembelajaran kemahiran berfikir di sekolah menengah (Tee, 2013). Ini dibuktikan oleh keputusan pencapaian Malaysia dalam *Trends in Mathematics and Science Study (TIMSS)* tahun 2007 adalah pada kedudukan ke-20 bagi Matematik dan ke-21 bagi Sains dalam kalangan 49 buah negara. Manakala laporan *Program for International Student Assessment (PISA)* tahun 2009 menunjukkan prestasi Malaysia berada pada kedudukan ke-57 bagi Matematik, ke-55 bagi Sains dan ke-52 bagi Kefahaman dalam kalangan 74 negara. Malaysia menduduki antara ranking yang terbawah dalam bahagian senarai PISA 2012, Malaysia sekali lagi berada di kedudukan tercorot iaitu 25% di antara 44 negara dengan tempat ke-39 daripada 422 jumlah keseluruhan bagi penyelesaian masalah kreatif.

Guru telah diperkenalkan kepada pelbagai alat berfikir. Alat berfikir merupakan kepelbagaian teknik yang boleh membantu seseorang membentuk dan mengembangkan kemahiran berfikir, serta menggunakan minda dengan lebih bijak dan berkesan. Selain itu, pemikiran juga akan menjadi lebih tersusun, luas dan tidak terburu-buru dalam melakukan sesuatu tindakan atau mengambil sebarang keputusan. Dengan kata lain, alat-alat berfikir merupakan instrumen yang boleh membantu dalam membuat pengurusan lisan, mengurus pemikiran secara visual dan terkawal (Noraida Endut dan Noor Shakirah Mat Tahir, 2008). Melalui penggunaan alat berfikir yang sesuai dengan pengajaran dan pembelajaran, penguasaan murid dalam kemahiran berfikir menjadi lebih berkesan (Arfah,2013).

Peta Pemikiran yang diperkenalkan melalui program i-THINK merupakan alat berfikir yang dibangunkan oleh Dr. David Hyerle yang dipersembahkan dalam lapan bentuk Peta Pemikiran secara visual yang mudah diguna pakai dan difahami. Setiap Peta Pemikiran mempunyai proses pemikiran tersendiri dan ia boleh disesuaikan penggunaannya mengikut tajuk (KPM, 2012).

Guru- guru telah didedahkan dengan program i-THINK melalui kursus-kursus yang telah dianjurkan oleh pihak KPM mahu pun pihak sekolah. Guru-guru telah di beri penerangan dan kefahaman berkaitan penggunaan Peta Pemikiran secara menyeluruh. Namun begitu, setelah kursus-kursus yang dianjurkan selesai tiada pemantauan susulan yang dilakukan oleh pihak penganjur. Ini menyebabkan penyelarasan pengajaran dalam bilik darjah tidak berlaku. Guru-guru mengajar dalam bilik darjah berdasarkan pemahaman guru sendiri tanpa sebarang panduan

secara khusus. Maka, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sama ada guru-guru memerlukan suatu bentuk modul/panduan bagi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah mengikut mata pelajaran yang diajar.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah:

1.2.1 Mengetahui keperluan modul i-THINK dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah mengikut mata pelajaran yang diajar.

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini diharap dapat menjawab persoalan berikut:

1.3.1 Adakah guru-guru memerlukan modul i-THINK dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah mengikut mata pelajaran yang diajar?

2.0 Sorotan Literatur

Menurut Hyerle dan Yeager (2007), peta pemikiran memudahkan pelajar memahami konsep, menganalisis masalah dan mencari penyelesaian. Banyak kajian telah dijalankan sejak program ini diperkenalkan. Bagi penyelidik Sidek & Ahamad (2012a), proses pengajaran dan pembelajaran yang mengaplikasikan Program i-THINK yang berunsurkan teknologi terkini lebih cepat dan berkesan. Kajian ini memfokuskan kepada proses pengajaran dan pembelajaran pelajar sepanjang semester pertama 2012 yang melibatkan seramai 22 orang pelajar Pengajian Melayu Semester 3 di IPG Kampus Sultan Mizan. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan terdapat perbezaan ketara daripada respons pelajar pada awal dan akhir pengajaran pensyarah dengan menggunakan Peta Pemikiran, iaitu perubahan bermula daripada 47.8% hingga 64.9% bagi item-item yang disenaraikan. Selain itu, impak terhadap pembelajaran murid dalam tempoh berkenaan juga menunjukkan perubahan bermula daripada 30.5% hingga 78.3% . Ini menunjukkan bahawa program i-THINK telah memberi kesan berbentuk inovatif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran dan ia sangat sesuai dilaksanakan dalam mata pelajaran lain membabitkan semua peringkat pelajar kerana program ini berupaya menjana pemikiran aras tinggi dalam masa yang cepat, jimat serta mudah diuruskan.

Selain itu, kertas kerja Sidek (2013c) pula menerangkan tentang peranan dan kepentingan Program i-THINK untuk melakukan transformasi minda iaitu sebagai satu akses kemahiran berfikir cara baru. Kertas kerja ini menjelaskan tentang lapan bentuk Peta Pemikiran yang telah dihasilkan oleh Dr. David Hyerle sebagai satu teknik pengajaran dan pembelajaran yang terkini yang melibatkan inovasi dalam pemikiran dan sangat relevan dalam abad ke-21 ini.

Kajian-kajian berkaitan penggunaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran menunjukkan ramai dalam kalangan guru yang tahu tentang KBAT namun kurang berkemahiran tentang cara mengaplikasikannya dalam pengajaran dan pembelajaran. Kenyataan ini disokong oleh Ball dan Garton (2005) kebanyakan guru tidak tahu bagaimana untuk menerapkan KBAT kepada pelajar malahan ada yang kurang bersedia. Rajendran N. S (2008) berpendapat kekangan guru dalam pengajaran kemahiran berfikir ini adalah kurangnya pendedahan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang ini, ketidaksediaan guru dalam memikul tugas mengajar kemahiran berfikir secara eksplisit dalam mata pelajaran diajar, dasar kurikulum yang lebih kepada peperiksaan sehingga mengabaikan penerapan kemahiran berfikir dan pendekatan pedagogi pengajaran pembelajaran yang kurang efektif dalam penerapan kemahiran berfikir. Dapatan-dapatan kajian ini menjelaskan bahawa guru-guru memerlukan suatu bentuk modul /

panduan supaya dapat membantu guru-guru lebih mahir dan yakin dalam pengajaran di bilik darjah. Menurut Sidek dan Jamaludin (2005) di dalam bukunya yang bertajuk “Pembinaan Modul-Bagaimana Membina Modul Latihan dan Modul Akademik” menyatakan modul dapat membantu guru mengajar sesuatu tajuk melalui pelbagai aktiviti tersusun untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan.

3.0 Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan berbentuk kualitatif. Kajian ini melibatkan 7 orang guru dari sekolah menengah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan (agama). Protokol temu bual telah dibina oleh penyelidik. Temu bual separa terbuka telah dijalankan ke atas 7 orang guru untuk mendapatkan maklumat mengenai keperluan modul ini. Profil responden seperti ditunjukkan di bawah:

Jadual 1: Profil responden kajian

Responden	Pengalaman
SMK 1	2 tahun
SMK 2	3 tahun
SMK 3	8 tahun
SMK(A) 4	15 tahun
SMK(A) 5	15 tahun
SMK(A) 6	21 tahun
SMK(A) 7	27 tahun

4.0 Dapatan Kajian

1. Apakah yang saudara/saudari faham tentang program i-THINK? Mengapa ia perlu dilaksanakan di bilik darjah?

Dapatan kajian menunjukkan semua guru mampu menerangkan program i-THINK secara umum seperti dinyatakan oleh SMK1 “...program i-THINK mengandungi lapan peta pemikiran. Sesuatu maklumat atau fakta dipindahkan mengikut kesesuaian penggunaan ke dalam lapan peta pemikiran...” Bagi SMK(A) 5 pula “...program i-THINK merupakan satu bentuk pembelajaran yang efektif bagi pelajar terutamanya dalam mata pelajaran Sejarah. Ini kerana melibatkan fakta dan dari fakta itu senang bagi pelajar untuk mengingat huraian-huraian fakta...”. Kebanyakan responden menyatakan bahawa melalui penggunaan peta pemikiran di dalam bilik darjah pelajar lebih mudah memahami, mengingat fakta/konsep dan meningkatkan pemikiran pelajar kepada aras yang lebih tinggi.

2. Mengapa perlu dilaksanakan dalam bilik darjah?

SMK 3 menyatakan “...penggunaan Peta Pemikiran mampu mencungkil idea pelajar tentang pengetahuan awal berkaitan topik yang akan diajar..” Kenyataan ini disokong oleh SMK(A) 4 “...pelaksanaan program i-THINK dalam bilik darjah wajar dilaksanakan supaya pemikiran pelajar dapat dirangsang sesuai dengan pendidikan masa kini. Pelajar dapat berdikari dan berfikir sendiri...” SMK(A) 5 juga menyetujui bahawa melalui program ini pelajar dapat

menjana idea mereka sendiri. Responden juga berpendapat bahawa i-THINK ini sangat penting dan harus diteruskan pada masa akan datang.

3. Adakah terdapat panduan atau modul yang dibekalkan oleh pihak sekolah/ KPM untuk mengaplikasikan program i-THINK mengikut subjek/mata pelajaran? jika YA apakah nama modul yang dibekalkan.

Semua responden menyatakan mereka tidak dibekalkan sebarang modul atau panduan mengikut topik yang diajar oleh pihak sekolah mahupun KPM. Mereka hanya diberi pendedahan melalui kursus-kursus dan tidak ada sebarang modul dibekalkan hanya "*hands out*" kursus yang menerangkan lapan Peta Pemikiran secara umum. Menurut SMK(A) 6 "*...pendedahan hanya melalui kursus-kursus dan apabila selesai kursus guru akan mereka sendiri bagaimana untuk menggunakan lapan Peta pemikiran mengikut kefahaman masing-masing. Ini menyebabkan berlaku ketidakseragaman dalam pelaksanaan di bilik darjah...*"

4. Jika TIDAK, apakah wajar sekiranya guru dibekalkan panduan/modul sebagai panduan untuk guru mengajar di dalam bilik darjah? Mengapa?

"*...Itulah yang terbaik....*" kenyataan dikeluarkan oleh SMK(A) 5. Kesemua responden menyatakan adalah amat wajar guru-guru dibekalkan modul / panduan mengikut topik yang diajar. Dengan adanya modul /panduan ini, sesi pengajaran dalam bilik darjah dapat diselaraskan dan memudahkan guru untuk mengajar.

5.0 Rumusan

Berdasarkan dapatan kajian, Program i-THINK diterima baik oleh guru dan pelajar di sekolah. Menurut Hyerle & Yeager (2007) peta pemikiran memudahkan pelajar memahami konsep, menganalisis masalah dan mencari penyelesaian. Penggunaan Peta Pemikiran telah memberi impak berguna kepada pelajar dalam aspek pemikiran kritis terutamanya berkaitan teknik belajar dan daya mengingat yang dianggap jauh berbeza kesannya dari teknik-teknik tradisional sebelum ini. Namun begitu harus diingat bahawa proses pengajaran di bilik darjah juga merupakan penyumbang utama kepada keberkesanan Peta pemikiran ini. Jika pengajaran yang disampaikan tidak tepat ia akan memberi kesan kepada pelajar. Oleh itu, wajar sekiranya pihak KPM membekalkan modul /panduan mengikut topik yang di ajar kepada guru.

6.0 Kesimpulan

Kajian ini merupakan satu kajian analisis keperluan yang berfokuskan kepada guru yang pernah menghadiri kursus dan menerapkan penggunaan i-THINK dalam pengajaran dalam bilik darjah. Dapatan yang diperolehi boleh memberi gambaran dan saranan kepada pihak berautoriti untuk peningkatan dan penambahbaikan pelaksanaan i-THINK dalam bilik darjah. Seterusnya dapat melahirkan pelajar yang mampu bersaing diperingkat global.

Bibliografi

- Ball, A. L., & Garton, B. L. (2005). Modeling Higher Order Thinking: The Alignment Between Objective, Classroom Discourse and Assessments. *Journal of Agricultural Education*, 46 (2), 58-69.
- Hyerle, D. & Yeager, C. (2007). A Language for learning: Thinking maps incorporated. North Carolina; Thinking Maps. Inc.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2002). *Membudayakan Kemahiran Berfikir*, Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Muhamad Sidek Said & Ahamad Rahim. (2012). Transformasi pengajaran dan pembelajaran inovatif melalui 'Thinking Maps'. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Penyelidikan Pendidikan Antarabangsa Malaysia-Indonesia (Malindo), IPGKIK, Kuala Lumpur, 4 - 6 Okt 2012.
- Muhamad Sidek Said & Ahamad Rahim. (2012a). Inovasi pengajaran dan pembelajaran melalui program i-THINK. Kertas kerja dibentangkan di IPGM International Convention in Teacher Learning & Development, Pearl International Hotel, Kuala Lumpur, 19-21 Nov 2012.
- Muhamad Sidek Said (2013c). Transformasi minda: Program i-THINK akses kemahiran berfikir cara baru. *Jurnal akademik IPG Kampus Sultan Mizan, Terengganu* (dalam proses percetakan).
- Noraida Endut & Noor Shakirah Mat Akhir. (2008). Alat-alat Berfikir. Dalam Azman Azwan Azmawati & Azlena Zainal (Ed.), *Pengaplikasian Teknik Berfikir* (ms. 15-32). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Rajendran, Naggapan. (2002). *Bahasa Melayu: penyumbang ke arah penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Kedua, di Beijing, China dari 8 hingga 15 Oktober 2002.
- Rajendran, N. S. (2008). *Teaching and Acquiring Higher Order Thinking Skills Theory and Practice*. Perak, UPSI. pp. 53, 59, 60.
- Sidek Mohd. Noh & Jamaludin Ahmad (2005). *Pembinaan Modul-Bagaimana Membina Modul Latihan dan Modul Akademik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia , ms 5.

